

Malaysia **tidak** **upaya** bertindak **sendirian** - P M

U.M. 28 OCT 1992

PETALING JAYA 27 Okt. — Malaysia tidak berupaya bertindak sendirian mengenakan tekanan kepada blok perdagangan dunia untuk membuka pasaran ekoran kegagalan Rundingan Perjanjian Am Perdagangan dan Tarif (GATT) di Brussels, minggu lalu.

Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, sebab itulah forum seperti Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) perlu ditubuhkan sebagai cara memberi tekanan.

"Ini kerana bantahan Malaysia secara bersendirian tidak akan didengar," katanya

semasa mengulas kegagalan rundingan antara Kesatuan Eropah dan Amerika Syarikat mengenai pertanian.

Bercakap kepada para pemberita selepas merasmikan Kilang Optical Communication Engineering di sini, beliau berkata, kalau ada EAEC, Malaysia dan negara-negara lain berpeluang baik untuk mengenakan tekanan yang berkesan terhadap blok perdagangan.

Dr. Mahathir seterusnya berkata, Malaysia tidak akan menggesa ASEAN untuk mengambil langkah susulan berikutan kegagalan itu kerana

Malaysia telahpun melakukannya menerusi cadangan penubuhan EAEC.

"Terpulanglah kepada ASEAN untuk ambil langkah susulan," katanya.

Ditanya tentang Mesyuarat Menteri-Menteri Ekonomi ASEAN yang bersetuju mempercepatkan penubuhan Kawasan Dagangan Bebas ASEAN (AFTA) daripada 15 kepada 10 tahun, beliau berkata: "Itu satu perkembangan yang baik."

Katanya, tumpuan harus diberikan kepada barang-barang yang diperdagangkan antara negara ASEAN sahaja.

Menurut beliau, walaupun sekarang ada Tarif Keistimewaan Sama Rata (CEPT) untuk 15 kumpulan barangan, ia adalah untuk permulaan sahaja.

"Kita akan turunkan tarif sehingga ia tidak ada langsung sebagaimana di Kesatuan Eropah," katanya.

Kepada satu soalan, Dr. Mahathir berkata, negara-negara ASEAN hendaklah berunding lebih lanjut kerana CEPT dalam keadaan tertentu, menyebabkan kepentingan sesebuah negara terjejas.

"Masalah ini boleh diselesaikan menerusi rundingan," tambah beliau..